

CNS4466

U GB 05-05 00171 BA388

bah

PEMAIN MALAYSIA AKAN DIBERI HADIAH SEKIRANYA MENANG PIALA THOMAS

Mahathir - Thomas

I

IPOH, 5 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berjanji akan memberi hadiah lumayan kepada pemain Malaysia sekiranya mereka memenangi Piala Thomas setelah kali terakhir menjuarainya 25 tahun lepas.

+Kita akan beri mereka hadiah yang lumayan,+ katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa perhubungan UMNO negeri di sebuah hotel di sini.

Bagaimanapun, beliau tidak menyebut bentuk hadiah yang akan diberikan, sekadar menyebut ia akan diputuskan oleh kerajaan kelak.

Kali terakhir Malaysia memenangi piala itu ialah pada 1967. Malaysia layak ke perlawanan akhir pada 1976, 1988 dan 1990 tetapi gagal dalam ketiga-tiganya.

Dalam kejohanan yang bermula di Kuala Lumpur hari ini, Malaysia akan bertemu England dalam perlawanan pertama di Stadium Negara malam ini.

Skuad Piala Thomas negara pernah dihadiahkan sebuah Proton Saga setiap seorang kerana berjaya menewaskan Indonesia untuk memasuki perlawanan akhir di Tokyo pada 1990. -- Lagi

▼05/05/17-46MST

CNS4467

U GB 05-05 00090 BA389

bah

Mahathir - Thomas 2 (Akhir) Ipoh

Menteri Belia dan Sukan Senator Annuar Musa pula berkata, pemain akan menerima +sesuatu yang di luar jangkauan+ sekiranya mereka menang kerana kerajaan akan beri mereka hadiah tambahan.

Hadiah itu adalah tambahan kepada yang akan mereka terima di bawah skim insentif biasa kementerian sebagai pemain badminton negara.

Di bawah skim insentif sekarang, bagi acara peringkat dunia seperti Piala Thomas, kementerian menawarkan \$80,000 bagi acara berpasukan yang akan dikongsi sama rata oleh pemain. -- Bernama

▼05/05/17-48MST